

Nilai Peradaban Melayu dalam Pantun Peranakan Baba

Malay Civilizational Values in *Peranakan Baba Pantun*

Nazirah Ismail¹, Noor Azam Abdul Rahman²

¹ Jabatan Pengajian Umum, Universiti Tunku Abdul Rahman, Bandar Sungai Long Cheras, Kajang, Selangor.

² Unit Bahasa dan Sains Sosial, Kolej Sains Komputer & Teknologi Maklumat, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) Putrajaya, Malaysia.

Progres Artikel

Diterima: 30 Ogos 2018

Disemak: 30 Ogos 2018

Diterbit: 30 November 2018

*Corresponding Author:
Noor Azam b Abdul Rahman,
Unit Bahasa & Sains Sosial,
Kolej Sains Komputer &
Teknologi Maklumat, Universiti
Tenaga Nasional (UNITEN),
Kampus Putrajaya, Malaysia.
Email:noorazam@uniten.edu.my

Abstrak: Pantun merupakan salah satu medium penting dalam pembentukan peradaban masyarakat Melayu. Melalui pantun, pelbagai nilai telah diterapkan sebagai alat untuk menegur, menasihati dan mengajar di antara ahli masyarakat. Nilai peradaban Melayu yang terdapat dalam pantun ini bukan sahaja terhad melalui pantun yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu, malah terdapat juga dalam penciptaan pantun oleh masyarakat selain Melayu seperti Peranakan Baba. Masyarakat Peranakan Baba merupakan subetnik Cina yang berhasil daripada interaksi sosial dengan orang Melayu. Ini bermakna, Peranakan Baba telah mengalami proses akulturasi dengan nilai masyarakat Melayu. Aspek nilai yang dikongsi bersama ini dapat dilihat melalui penciptaan pantun oleh masyarakat Peranakan Baba. Kajian ini akan memberi fokus terhadap aspek nilai peradaban Melayu yang terdapat dalam pantun Peranakan Baba. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menyenaraikan nilai-nilai tamadun Melayu yang dominan digunakan dalam pantun Peranakan Baba. Selain itu, proses akulturasi yang berlaku di antara masyarakat Melayu dan Peranakan Baba juga akan diberi penelitian. Kajian ini menggunakan kaedah analisis makna perkataan dan ayat yang terdapat dalam pantun yang dipilih melalui buku "Pantun Pilihan Peranakan Baba Negeri Selat, 1910-1930-an" yang disusun oleh Ding Choo Ming. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat proses akulturasi yang berlaku dalam masyarakat Peranakan Baba melalui pantun yang dikaji. Data yang diperolehi ini penting sebagai rekod asas kepada kajian yang lebih terperinci berkaitan Peranakan Baba di Malaysia. Implikasi kajian akan mendorong pembentukan nilai kebersamaan di antara pelbagai kaum yang terdapat di Malaysia.

Kata kunci: Tamadun Melayu, Peranakan Baba, Pantun, Nilai

Abstract: Pantun is one of the important mediums in the Malay civilization. Through pantun, various values have been applied as tools for reprimanding, advising and teaching among members of society. The value of Malay civilization found in this pantun is not limited only by the pantun produced by the Malay community, but also in the creation of pantun by non-Malay communities such as Peranakan Baba. The Peranakan Baba community is a Chinese subetnik resulting from social interaction with the Malays. This means that Peranakan Baba has undergone acculturation process with the value of the Malay community. This shared value aspect can be seen through the creation of pantun by the Peranakan Baba community. This study will focus on aspects of the value of Malay civilization found in the pantun Peranakan Baba. The main objective of this study is to identify and list the values of the dominant Malay civilization used in the Peranakan Baba pantun. In addition, the acculturation process applied between the Malay

community and Peranakan Baba will also be subject to research. This study uses the method of analysis of the meaning of the words and sentences found in the pantun chosen through the book "Pantun Pilihan Baban Negeri Selat Negeri, 1910-1930" compiled by Ding Choo Ming. The results of the study found that there was an acculturation process that occurred in the Peranakan Baba society through the pantun studied. The data obtained is important as a fundamental record for a more detailed study of Peranakan Baba in Malaysia. The implications of the study will lead to the formation of the value of togetherness among the various races found in Malaysia.

Key words: Malay Civilization, Baba Peranakan, Pantun, Value

Pengenalan

Dalam tradisi masyarakat Melayu, pantun sudah menjadi darah daging yang berperanan penting dalam menyebar luaskan nilai-nilai asas kemelayuan. Oleh itu pantun dijadikan media tunjuk ajar, yang diwujudkan ke dalam beragam jenis pantun seperti pantun adat, pantun nasihat, pantun jenaka, sindiran dan pantun kasih sayang (Tenas Effendy, 2007). Pantun Melayu sering dilihat sebagai sumber gambaran masyarakat Melayu dalam kehidupan di Alam Melayu. Akal budi orang Melayu dapat dilihat dalam pantun yang diungkapkan secara spontan dengan begitu ringkas dan padat (Aripin Said, 1994:1). Menerusnya terpancar gambaran pemikiran masyarakat Melayu.

Manakala dalam masyarakat Peranakan Baba, hasil pengakulturasian antara masyarakat Peranakan Baba dengan Melayu dalam bidang Bahasa dan kesenian, telah membolehkan Peranakan Baba memperkembangkan pantun Melayu dalam konteks kebudayaan peranakan. Menurut Ding (2008:89), meskipun wujud persamaan antara pantun Peranakan Baba dengan pantun Melayu tetapi pantun peranakan mempunyai nilai kreativiti dari segi nilai pengkomesimalannya.

Kajian ini akan mengaitkan aspek nilai yang terdapat dalam pantun Peranakan Baba sebagai gambaran berlakunya akulturasi dalam kalangan masyarakat peranakan dengan tamadun Melayu.

Pernyataan Masalah

Secara umumnya kajian-kajian sedia ada berkaitan masyarakat peranakan lebih berfokus kepada nilai luaran berbanding nilai pandangan semestanya (dalaman). Unsur-unsur kebudayaan berbentuk material seperti pakaian, bahasa, makanan sering menjadi fokus kajian. Hal ini mungkin disebabkan unsur kebudayaan yang bersifat material mudah dilihat dan digambarkan sedangkan unsur kebudayaan lain yang penting seperti sistem nilai sukar untuk dikaji kerana sifatnya yang non material.

Oleh itu kajian ini akan memberi dimensi baru terhadap kajian akulturasi berkaitan masyarakat peranakan.

Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah seperti berikut:

- i) Mengenal pasti dan menyenaraikan nilai-nilai tamadun Melayu yang dominan digunakan dalam pantun Peranakan Baba.
- ii) Meneliti proses akulturasi yang terdapat dalam nilai masyarakat Melayu yang dominan dalam Peranakan Baba.

Persoalan Kajian

Kajian ini berhasrat untuk mendapatkan jawapan kepada soalan-soalan berikut:

- i) Apakah nilai-nilai tamadun Melayu yang dominan dalam masyarakat peranakan yang terdapat di dalam pantun Peranakan Baba?
- ii) Bagaimanakan proses akulturasi berlaku di antara masyarakat peranakan dengan masyarakat Melayu yang digambarkan melalui pantun Peranakan Baba.

Kepentingan Kajian

Kajian nilai ketamadunan masyarakat Melayu yang terdapat dalam masyarakat peranakan akan menjadi bahan rujukan kepada para pengkaji bidang kemasyarakatan, masyarakat Peranakan Baba dan kajian nilai-nilai ketamadunan Melayu. Selain itu kajian ini membantu masyarakat memahami kepentingan pemupukan nilai sepunya ke arah keharmonian tamadun Malaysia hari ini.

Kaedah Kajian

Kaedah kajian ialah kaedah kualitif berdasarkan analisis tekstual dan penelitian secara deskriptif. Kajian ini menggunakan kaedah analisis

makna perkataan dan ayat dalam pantun yang dikumpulkan oleh Ding Choo Ming dan diterbitkan berjudul *Pantun Pilihan Peranakan Baba Negeri Selat, 1910-1930-an*. Sebanyak 1300 rangkap pantun telah diteliti dan dikategorikan mengikut kumpulan nilai-nilai sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini. Selain itu kaedah kepustakaan turut digunakan sebagai kajian literasi untuk melihat kajian nilai masyarakat Melayu dan pantun. Manakala skop kajian ini akan hanya memfokuskan kepada nilai-nilai asas ketamadunan Melayu yang disenaraikan oleh Osman Bakar, Azizan Baharuddin & Zaid Ahmad (2009).

Latar belakang Kajian

Di Semenanjung Malaysia terdapat sekurang-kurangnya sembilan jenis komuniti yang dikenal pasti sebagai Peranakan, antaranya Peranakan Jawi, Peranakan Arab, Samsam, Chetti Melaka, Punjabi Peranakan Perak dan sebagainya. Kepelbagaiannya komuniti ini menarik minat ramai pengkaji untuk memahami keunikian budaya mereka. Tan Yao Sua (2011:158) membuat kajian mengenai masyarakat peranakan Cina di Tarok, sebuah petempatan di Terengganu. Menerusi kajiannya, beliau telah mengenal pasti beberapa pengaruh budaya Melayu dalam kalangan peranakan Cina tersebut, iaitu dari segi kemampuan bertutur dalam dialek Melayu Terengganu, binaan kediaman mirip rumah tradisional, berpakaian cara orang Melayu di kampung, hidangan masakan, dan pewarisan harta pusaka.

Zawiah Mat & Mashitah Sulaiman (2007:127) mengkaji Interaksi budaya India dan Cina ke atas pengukuhan bahasa dalam Tamadun Melayu. Menurut mereka kesan interaksi Peranakan Baba dikatakan dapat dilihat melalui aspek material (pemakaian, makanan, masakan) manakala bukan material (falsafah, adat resam, pemikiran atau agama dan bahasa). Walau bagaimanapun bersesuaian dengan tajuk kajian mereka, perbincangan kesan interaksi Peranakan Baba ini dalam aspek bukan material hanya membincangkan aspek bahasa.

Sementara Azarudin Awang dan Khadijah Mohd Khambali @ Hambali (2016) mengkaji komuniti Cina pra konversi di Terengganu dalam melihat perkaitan akulturasi budaya dan hubungan antara agama.

Dalam konteks kajian ini akulturasi merupakan satu proses penerimaan unsur kebudayaan dalam kalangan individu atau kelompok dari sesuatu kebudayaan lain yang berbeza. Kelompok manusia ini dengan kebudayaan tertentu disatukan dengan unsur dari suatu kebudayaan asing yang berbeza sehingga unsur kebudayaan asing itu akhirnya diterima dan diolah dalam kebudayaan sendiri.

Dari segi sejarah, antara faktor kewujudan masyarakat Peranakan Baba di Malaysia adalah melalui

aktiviti pedagang Cina yang berulang alik antara dunia Melayu dan Cina. Perkahwinan campur yang mana berlaku pada peringkat generasi pertama sahaja telah memperkenalkan keunikian akulturasi budaya Cina dan Melayu kerana unsur kebudayaan Peranakan Baba dikatakan berasal daripada warisan tradisi Cina tetapi mempunyai unsur-unsur kebudayaan Melayu. Mereka mengekalkan adat resam Cinanya, ugama Buddhanya dan identiti Cinanya walaupun banyak adat resam Melayu sudah diikuti dan disesuaikan (Ding, 2008:26).

Peranakan Baba menggunakan bahasa Melayu dengan menggunakan gaya bahasa yang dikenali gaya bahasa Melayu Baba sebagai bahasa komunikasi mahupun dalam aktiviti kesenian termasuklah penghasilan pantun (Ding, 2008:74).

Hidup dalam kelompok Melayu menyebabkan unsur-unsur kebudayaan masyarakat Peranakan Baba banyak mengandungi unsur kebudayaan Melayu. Hal ini suatu yang lumrah dalam pengkajian sosial di mana proses akulturasi akan berlaku apabila suatu kelompok masyarakat itu hidup dan berhubungan secara langsung dan berterusan dengan kelompok lain. Bukti yang jelas ialah dari segi bahasa ibunda Peranakan Baba. Begitu juga dari segi kulinari dan cara berpakaian. Semua ini jelas menunjukkan pengaruh kebudayaan Melayu dalam Masyarakat Peranakan Baba.

Sebaliknya dari segi agama dan adat resam, masyarakat Peranakan Baba dikatakan lebih condong kepada adat resam dan kepercayaan yang dipegang oleh masyarakat Tionghua. Begitu juga dalam sambutan-sambutan perayaan mereka. Justeru, situasi ini membawa kita kepada kesimpulan bahawa masyarakat Peranakan Baba juga berpegang kepada sistem nilai masyarakat Tionghua dalam kehidupan mereka.

Manakala nilai dalam masyarakat Melayu pula boleh dikaitkan dengan identiti orang Melayu itu sendiri berdasarkan tiga teras, iaitu agama, bahasa dan Raja (Laurent Metzger, 2007:24). Nilai mempunyai hubungan tiga penjuru, iaitu hubungan manusia dengan Tuhan, manusia dengan manusia; dan manusia dengan alam. Maka nilai yang paling utama pastinya berpandukan hubungan antara manusia dengan Tuhan, apa juga yang ditegah oleh Tuhan menjadi perkara yang mesti dielakkan oleh manusia. Sebaliknya apa yang diperintahkan-Nya perlu dilaksanakan sebaik mungkin. Tuhan telah memaklumkan apa yang baik dan apa yang tidak baik untuk manusia. Nilai-nilai yang dinyatakan-Nya itu berhubung dengan kehidupan sosial, ekonomi, politik, dan budaya (Noriati A Rashid, 2005).

Berasaskan kepada pengalaman, terutama mengikut kebiasaan yang dilalui individu sebagai anggota masyarakat, nilai dapat membina ukuran tentang baik dan buruk, cantik dan buruk, halus dan kasar, sedap dan tidak sesuatu yang dilalui (Wan Abdul Kadir, 2007:3). Nilai-nilai tradisi budaya Melayu terbina dan

dipengaruhi oleh suasana kehidupan mereka, dan ini dijelaskan melalui simpulan bahasa, pepatah dan pantun yang mereka hasilkan (Wan Abdul Kadir, 2007:17).

Ungkapan yang menjadi lambang kebijaksanaan pemikiran Melayu khususnya pantun adalah suatu yang unik dan mengagumkan. Justeru tidak hairanlah ia turut menarik minat masyarakat peranakan mencipta dan mendendangkan pantun sama ada untuk menasihat, mendidik, hiburan dan sebagainya. Dengan mengambil kira peranan pantun sebagai cerminan akal budi orang Melayu, kajian ini juga mengandaikan pantun-pantun Peranakan Baba juga mampu menggambarkan nilai-nilai peradaban yang wujud dalam pemikiran mereka khususnya berkaitan nilai-nilai peradaban tamadun Melayu.

Dapatan dan Analisis Kajian

Berdasarkan Osman Bakar, Azizan Baharuddin & Zaid Ahmad (2009), antara nilai-nilai Melayu adalah perkara yang berkaitan akidah Islam, ketakutan kepada Sultan dan menghormati pemimpin, berpegang teguh kepada adat resam, memuliakan orang tua, mengutamakan ikatan kekeluargaan dan hubungan silaturrahim, saling menghormati, meraikan tetamu, bertimbang rasa, bersopan santun dan berbudi bahasa, bermuafakat dan bergotong royong.

Akidah Islam

Kedatang Islam ke alam Melayu telah mengubah pandangan semesta (*world-view*) mereka. Seperti umat Islam yang lain, orang Melayu berpegang kepada keimanan dan ketakwaan kepada Allah. Orang-orang Melayu yang telah lama menganut Islam menyedari dan memahami nilai-nilai yang telah ditetapkan oleh Islam. Mereka telah berusaha menyesuaikan warisan tradisi budaya dengan kehendak-kehendak Islam. Dengan cara mengekalkan tradisi itu, mereka dapat mempertahankan identiti budaya yang mereka warisi sekian lama (Wan Abdul Kadir, 2007:12). Kuatnya pegangan orang Melayu terhadap akidah Islam secara tidak langsung telah mengakulturasikan pemikiran masyarakat peranakan khususnya dari segi amalan kepercayaan mereka.

*Pata gala dari hulu,
Andak di petek bua rumenia;
Dulu Allah kemdian ibu,
Anak terlaher di dalam dunia.*

*Itong itong tangan sabla,
Dapat di kira lima jari;
Minta untong kapada Allah,
Toksa susa kemdian hari.*

Pantun-pantun di atas adalah berkaitan dengan akidah Islam yang terdapat dalam *Pantun Pilihan Peranakan Baba Negeri Selat-1910-1930an*. Berdasarkan pantun tersebut kepercayaan kepada Tuhan (ALLAH) digambarkan oleh masyarakat Peranakan Baba sebagai berkedudukan tinggi dan lebih penting dari segalanya. Allah sebagai pemberi rezeki, penentu takdir seseorang, penentu segala kejadian, tempat meminta dan memohon serta berkuasa memberi pembalasan, contohnya dalam rangkapan pantun di bawah;

*Bua remenia ber-gantong tinggi,
Jatoh di batu ter-pinjak s'bla,
Idop di dunia saja bergini,
Nanti kan waktu hukoman Allah.*

*Datok Kelana orang Linggi,
Bersipak raga ditepi kota;
Kita-tak boleh kadarat sandiri,
Hukoman Allah terima-la kita.*

Pantun-pantun peranakan juga menyentuh perihal ibadah agama Islam, antaranya berkaitan sembahyang, puasa, dan ibadah haji serta undang-undang Islam khususnya berkaitan keburukan berjudi, antara pantun yang memerihalkan perkara-perkara tersebut ialah;

*Incheh Dollah orang di-Gedong,
Duduk **sembahyang** adek beradek;
Jikalau Allah mau menolong,
Barang melayang datang bergolek.*

*Kalapa muda masak pengat,
Kasi makan orang **puasa**;
Orang muda baik beringat,
Kerna mulot badan binasa.*

Nilai-nilai ketamadunan Melayu yang terdapat di dalam pantun-pantun tersebut dilihat sebagai suatu proses akulturasi masyarakat Peranakan Baba dari segi sistem kepercayaan mereka. Meskipun nama-nama Allah dan sifat-sifat-Nya dapat dilihat dengan jelas di dalam pantun-pantun yang dikaji, hal ini tidak bermakna masyarakat peranakan berpegang kepada akidah Islam. Sebagaimana yang disebut oleh Ding Choo Ming sebelum ini, masyarakat Peranakan Baba mengamalkan kepercayaan yang dipegang oleh masyarakat Tionghua yang diwarisi dari nenek moyang mereka. Penerimaan konsep Allah dalam pantun-pantun mereka ini mungkin juga boleh dikaitkan dengan toleransi masyarakat Cina yang bersikap terbuka dan berjaya mengadun sebatи tiga fahaman besar iaitu konfusianisme, Taoisme dan Buddhisme dalam kehidupan mereka (Idris Zakaria, 2000)

Ketaatan kepada Sultan dan Menghormati Pemimpin

Budaya masyarakat Melayu sejak dari dahulu lagi sangat menghormati pemimpin mereka. Menurut Khoo Kay Kim yang dipetik dalam Laurent Metzger (2007:29), *The good Malay values included a respect for the elderly and administrators*. Nilai ini dikaitkan juga unsur tradisi masyarakat Melayu yang memandang tinggi Institusi beraja yang telah lama wujud dalam kehidupan mereka. Nilai-nilai Melayu yang hidup di bawah kuasa pemerintahan raja dan Sultan Melayu ini juga wujud dalam pemikiran masyarakat peranakan menerusi pantun mereka, antaranya;

*Berganti sultan anak Yamtuan,
Raja di lantek semua orang;
Asal intan pulang di intan,
Saya batu tentu terbuang.*

*Raja di Langat di lantay sultan,
Klapa berbua dekat hutan;
Kalu dia ingat dengan pesan,
Siapa bertua dapat dia makan.*

Konsep raja atau sultan dalam pantun peranakan ini juga digambarkan sebagai golongan yang berkuasa, berani, gagah dan mempunyai kedudukan yang istimewa dalam masyarakat sebagaimana yang digambarkan dalam pantun berikut;

*Raja sulong Indra Sajohan,
Gaga brani lagi perkuasa;
Jikalu bolay tulongan Tuhan,
Bila kan bolay dapat binasa.*

*Anak Raja berintan baju,
Pakayan-nya sutra yang halus;
Sunggu blayar prau yang laju,
Mau jugak di bantu arus*

Walau konsep raja wujud dalam pemikiran Peranakan Baba ini tidak bermakna mereka mengiktiraf Sultan atau raja sebagai pemimpin mereka. Secara sejarahnya, Peranakan Baba khususnya pemimpin-pemimpin Straits Chinese British Association terbukti telah memberikan taat setia mereka kepada kerajaan Inggeris sehingga menjelang kemerdekaan negara (Khoo Peck Wan 1983: 4).

Bersopan santun, berbudi bahasa

Bersopan santun dan berbudi bahasa juga adalah sebahagian daripada nilai-nilai tamadun Melayu yang dikaitkan dengan adab. Laurent Metzger (2007: 27) memetik Frank Swettenham menerusi *Malay Sketches*

menulis “*for the Malays their ‘manners are polite and easy’*”. Justeru sikap kurang bersopan adalah dihina dan dielakkan.

Pantun-pantun peranakan juga banyak memerihalkan persoalan budi. Sebagaimana masyarakat Melayu yang memandang tinggi perihal budi, pantun-pantun peranakan juga memperlihatkan hal yang sama.

*Anak itek pandai belari,
Anak angsa terlompat lompat;
Rupa chantek senang di chari,
Budi dan basa susa mendapat.*

*Teritip tiram tergantong,
Lemau manis banyak biji nya;
Pileh pileh muda sakampong,
Hitam manis baik budi nya.*

Pantun-pantun di atas menggambarkan nilai berbudi bahasa masyarakat Melayu yang turut dipandang tinggi dalam peranakan Baba. Jelas ukuran nilai seseorang bukan semata-mata bergantung kepada rupa paras sebaliknya budi bahasa lebih di pandang tinggi.

*Lagi Kuala pergi Klang,
Singgah memetek bunga rang-rang;
Harta donia tidak terbulang,
Budi juga akan di-puji orang.*

*Ruak ruak dari rumbia,
Kasi makan padi di dulang;
Mas perak harta di dunia,
Budi yang baik di kenang orang.*

Nilai budi bagi masyarakat Peranakan Baba juga dikaitkan dengan keikhlasan. Budi ikhlas yang ditabur tidak mengharapkan balasan tetapi tetap dikenang selamanya.

*Penggaga mari di potong,
Membuat urap biar tak pait;
Orang berniaga menchari huntong,
Orang berbudi nama yang baik.*

*Kapal blayer ke Tanjung Jati,
Mari muat orang Bengali;
Budi s’dikit di bawak mati,
Bukan dapat di jual bli.*

Rapatnya hubungan budi dengan kehalusan bahasa juga terpancar melalui pantun-pantun mereka seperti berikut:

*Bukan saya gali rangas,
Saya gali ubi Belanda;*

*Bukan saya pandang mas,
Saya pandang budi dan bahasa*

*Prahu belayar ka-laut Malacca,
Jaga kamudi jangan benasa;
Orang baik kepada kita,
Dia berbudi kita berbasa.*

Budi bahasa dalam kalangan orang Melayu dikaitkan dengan hati atau kalbu. Konsep hati itu dikaitkan pula dengan tindakan dan perlakuan (Mustaffa Haji Daud,1995:87-131). Kedudukan budi yang tinggi dalam masyarakat Melayu itu diakulturasikan juga dalam masyarakat Peranakan Baba. Hal ini digambarkan dengan jelas melalui contoh petikan pantun Peranakan Baba di atas. Menerusi pantun tersebut, kedudukan budi bahasa yang baik lebih tinggi dan bernilai dibandingkan dengan emas dan harta. Apa yang penting juga adalah nilai mengenang budi yang terdapat dalam masyarakat Peranakan Baba yang digambarkan melalui pantun di atas.

Saling menghormati

Nilai-nilai tamadun Melayu lain yang dapat dilihat menerusi pantun Peranakan Baba ialah nilai hormat menghormati. Masyarakat Melayu bersikap rendah diri dan tidak memandang rendah kepada orang lain. Sikap saling menghormati ini dapat dilihat dalam hubungan mereka yang baik dan taat setia kepada ibu bapa, sentiasa menurut perintah atau tidak engkar kata-kata ibu bapa mereka. Hubungan murid dengan guru juga demikian juga (Wan Kadir,2007:23). Nilai-nilai saling menghormati ini juga dapat dilihat dalam pantun peranakan terutamanya berkaitan ketaatan kepada ibu dan guru, antaranya;

*Pata gala dari hulu,
Andak di petek bua rumenia;
Dulu Allah kemdian ibu,
Anak terlaher di dalam dunia.*

*Enche 'Bong pergi menjala,
Dapat terubok anak tenggiri;
Tidak turuk ibu berkata,
Dapat busok nama sendiri.*

Kedudukan ibu sangat tinggi dalam masyarakat Melayu. Hal ini berkait dengan ajaran Islam yang dianuti oleh masyarakat Melayu. Manakala dalam masyarakat Peranakan Baba pula, kedudukan ibu juga berada pada tahap yang tinggi. Menghormati ibu bapa merupakan satu kewajipan yang perlu dipatuhi. Melalui pantun di atas contohnya, masyarakat Peranakan Baba menjelaskan bahawa kehidupan seseorang tidak akan

berjaya jika tidak mengikut nasihat dan tunjuk ajar daripada ibu.

Begitu juga kedudukan guru. Guru merupakan golongan yang bertanggungjawab memberi panduan tentang kehidupan yang sepatutnya dilalui oleh seseorang. Hal ini digambarkan dalam contoh petikan pantun-pantun di bawah;

*Sugi damar di chelak rantay,
Handak di sulor ikan blanak;
Serta di adap guru yang panday,
Maka puji orang yang banyak.*

*Orang prompak di Kuala Muar,
Dudok menunggu tepi kramat;
Jikalu jumpa guru yang benar,
Apa plajaran lekas-lah tamat.*

*Ma-ulu memotong pagar,
Jangan terpotong batang durian;
Chari guru tempat berlajar,
Sepaya jangan sesal kemdian.*

*Bedrap-drapp bunyi papan prau,
Tarek layar di sebla kiri;
Jangan slalu harap-kan guru,
Mau jugak blajar sendiri.*

Walau bagaimanapun, sepanjang proses menuntut ilmu masyarakat peranakan juga mengingatkan bahawa jangan sesekali sentiasa mengharapkan bimbingan daripada guru, apabila telah sampai satu peringkat yang sepatutnya seseorang haruslah berdikari. Namun jasa guru sentiasa perlu diingati dan dihormati.

Proses akulturasi berlaku di antara masyarakat peranakan dengan masyarakat Melayu yang digambarkan melalui pantun peranakan Baba.

Daripada senarai nilai-nilai Melayu tersebut didapati nilai berkaitan akidah Islam, adat resam, bersopan santun dan berbudi bahasa lebih dominan dalam pantun peranakan Baba. Melalui pantun-pantun yang tersenarai dalam buku *Pantun Pilihan Peranakan Baba Negeri Selat, 1910-1930-an* susunan Ding Choo Ming ini didapati nilai-nilai Melayu dan nilai-nilai Peranakan Baba telah mengalami proses akulturasi.

Menurut Shamsul Amri (2012:60) proses akulturasi melibatkan proses penerimaan unsur kebudayaan dalam kalangan individu atau kelompok daripada sesuatu kebudayaan lain yang berbeza. Dalam konteks kajian ini, proses akulturasi ini melibatkan masyarakat Peranakan Baba dan masyarakat Melayu.

Akulturasi terjadi apabila satu kelompok manusia dengan suatu kebudayaan tertentu dihadapkan dengan

unsur daripada suatu kebudayaan etnik lain yang berbeza sehingga unsur kebudayaan asing itu akhirnya diterima dan diolah dalam kebudayaan sendiri (Shamsul Amri, 2012). Selain daripada unsur kebudayaan, unsur yang membentuk nilai-nilai sesuatu masyarakat juga akan mengalami proses akulturasi.

Berdasarkan pantun-pantun yang terdapat dalam buku kajian ini, terdapat pantun yang menunjukkan berlaku proses akulturasi dalam kehidupan kedua-dua masyarakat ini, iaitu Melayu dan Peranakan Baba.

*Incheh Dollah orang di-Gedong,
Dudok sembahyang adek beradek;
Jikalau Allah mau menolong,
Barang melayang datang bergolek.*

Daripada contoh pantun-pantun di atas, proses akulturasi telah berlaku di antara masyarakat Melayu dan Peranakan Baba dalam pelbagai aspek kehidupan kedua-dua masyarakat ini. Contohnya kefahaman dan pandangan tentang kedudukan agama Islam, pantun tersebut menjelaskan bahawa masyarakat Peranakan Baba juga mengakui bahawa agama Islam adalah agama bagi masyarakat Melayu. Masyarakat Peranakan menghormati dan mengakui nilai-nilai yang terdapat dalam agama Islam itu sesuatu yang baik dan perlu diikuti. Walaupun, masyarakat Peranakan Baba tidak menganut agama Islam, namun mereka memahami beberapa nilai yang terdapat dalam agama Islam dan kehidupan sehari-hari mereka.

*Anak China menjual tapay,
Tetak langudi dari Daik;
Begitu lah kita bersobat anday,
Dalam budi berchara baik*

Manakala pantun di atas pula memberi gambaran tentang keperluan untuk mengamalkan sikap berbudi bahasa dan bersopan santun. Gambaran anak Cina yang digunakan dalam pembayang pantun di atas membawa maksud masyarakat peranakan telah mengamalkan aktiviti makanan Melayu di samping menerapkan nilai-nilai persahabatan dan berbudi bahasa dalam kalangan masyarakat.

Sementara proses akulturasi juga berlaku dalam perkara yang melibatkan adat. Melalui pantun di bawah, masyarakat peranakan telah meletakkan nilai adat pada tempat yang tinggi yang menjadi pedoman kepada kehidupan mereka, contohnya rangkap makna pada pantun di bawah menekankan kepentingan budi dan menjaga adat dalam kehidupan.

*Pergi pasar manjual bli,
Orang China menimbang madat;*

*Budi basah tidak jual membli,
Idop dunia mau bradat.*

Kesimpulan

Buku *Pantun Pilihan Peranakan Baba Negeri Selat, 1910-1930-an* susunan Ding Choo Ming telah memberi gambaran yang jelas tentang berlakunya proses akulturasi di antara masyarakat Melayu dan Peranakan Baba. Pantun-pantun yang terdapat dalam buku tersebut merupakan hasil kebudayaan daripada masyarakat Peranakan Baba. Berdasarkan pemilihan perkataan, ayat dan makna yang didukung oleh setiap pantun-pantun di dalam buku tersebut mengjelaskan berlakunya kesamaan budaya serta nilai di antara masyarakat Peranakan Baba dengan masyarakat Melayu.

Kajian ini telah meneliti beberapa nilai peradaban Melayu yang terdapat dalam pantun Peranakan Baba. Antara nilai-nilai tersebut adalah nilai berkaitan akidah Islam, ketaatan kepada Sultan dan menghormati pemimpin, bersopan santun, berbudi bahasa, dan saling hormat menghormati. Nilai-nilai yang disenaraikan ini telah dengan jelas digambarkan melalui pantun-pantun yang terdapat dalam buku yang dikaji.

Kesimpulannya, pantun-pantun Peranakan Baba telah membuktikan bahawa berlakunya proses akulturasi nilai peradaban Melayu dalam masyarakat Peranakan. Terdapat nilai yang dominan telah ditonjolkan melalui pantun-pantun tersebut seperti yang dibincangkan di atas.

Dalam konteks Malaysia, kajian ini membuktikan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia telah berjaya membentuk satu nilai peradaban secara bersama. Masing-masing telah berjaya berkongsi nilai yang baik daripada nilai nenek moyang masing-masing. Dalam hal ini akulturasi yang berlaku dalam sebuah masyarakat pelbagai etnik memperlihatkan keazaman masing-masing untuk menyesuaikan dan memanfaatkan kepelbagaiannya dalam kehidupan harian mereka (Shamsul Amri, 2012).

Rujukan

- Aripin Said. (1994). *Rumah sebuah*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti
- Azarudin Awang dan Khadijah Mohd Khambali @ Hambali (2016). Perkaitan Akulturasi Budaya dan Hubungan Antara Agama: Kajian Terhadap Komuniti Cina Pra Konversi Di Negerti Terengganu Jurnal Hadhari 8 (1) (2016) 85-102. UKM
- Ding Choo Ming (2008) *Pantun Peranakan Baba Mutiara Gemilang Negeri-Negeri Selat*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Idris Zakaria (2000) Nilai Toleransi Melayu-Cina. *Utusan Online* <http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2000&dt=>

- 1207&pub=utusan_malaysia&sec=Rencana&pg=ot_01.h
tm#ixzz4r7sdOFGH
- Laurent Metzger, 2007. Nilai-nilai Melayu: Satu Sudut Pandangan Orang Luar. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mustafa Haji Daud, 1995. Budi Bahasa Dalam Tamadun Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriati A. Rashid (2005) Kesantunan Dalam Konteks Sosiobudaya Masyarakat Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*. Jilid 15, 2005.M Mokhtar Shafii, (2000). Perlaksanaan Tulisan Jawi dalam Sistem Pendidikan Malaysia. Dalam Jurnal Pendidikan Islam, Jilid 9 Bil. 2 Disember 2000. Kuala Lumpur: Institut Pengajian Ilmu-ilmu Islam.
- Osman Bakar, Azizan Baharuddin dan Zaid Ahmad (2009). *Modul Pengajian Tamadun Islam dan Tamadun Asia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Shamsul Amri Baharuddin (Editor) (2012). Modul Hubungan Etnik Edisi Kedua. Bangi: Institut Kajian Etnik. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Tan Yao Sua (2011) *Akulturasi Peranakan Cina di Tirok, Terengganu*. Jurnal Terjemahan & Tamadun Melayu Vol 2:2 (2011) 151-162. UKM.
- Tenas Effendy (2007). *Tunjuk Ajar Dalam Pantun Melayu*. Kertas kerja Seminar Pantun Melayu: Semalam, Hari ini Dan Esok. Anjuran Alam dan Tamadun Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Abdul Kadir (2007). Nilai dan Norma Masyarakat dan Budaya Melayu. Kuala Lumpur: City Reprographic Services. Press. Page 8.
- Zawiah Mat & Mashitah Sulaiman (2007). Interaksi budaya India & Cina ke atas pengukuhan bahasa dalam Tamadun Melayu dlm *Jurnal Pengajian Umum* Bil 8. UKM.